

26 NOV 1997

DR MAHATHIR PELAWA PEMIMPIN APEC KE MALAYSIA TAHUN DEPAN

Oleh: Salmy Hashim

VANCOUVER, 26 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari Selasa mempelawa para pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) ke Malaysia untuk Sidang Kemuncak Pemimpin Apec pada 17-18 Nov tahun depan.

Mesyuarat Kuala Lumpur, sidang kemuncak pemimpin Apec keenam akan menerima masuk tiga anggota baru -- Rusia, Vietnam dan Peru -- memperluaskan keanggotaan Apec daripada 18 kepada 21.

Sidang Kemuncak Apec kelima, yang tamat di sini hari Selasa, bersetuju mengenakan moratorium 10 ke atas keanggotaan bermula pada tahun 1998.

Dr Mahathir berkata penyertaan Rusia dalam Apec akan "mewarnakan" lagi kepada perbincangan para pemimpin.

"Kehadiran Rusia akan membuat perkumpulan itu lebih menarik dan mengimbangi kepentingan berbeza dalam Apec," katanya di persidangan berita berikutan tamatnya sidang kemuncak para pemimpin Apec yang kelima di sini.

Rusia memandang ke Barat dan "kini tiba masanya ia menghala di Timur," perdana menteri itu berkata.

Dr Mahathir berkata sekumpulan 21 pemimpin lebih mudah diurus daripada sekumpulan 50 atau 100 pemimpin.

Katanya empat mesyuarat pemimpin Apec yang lepas yang beliau hadiri adalah berguna kerana ia membenarkan para pemimpin berbincang dari hati ke hati di kalangan mereka untuk mencari jalan untuk mengatasi masalah tanpa gangguan dari birokrat.

Lapan negara yang lain telah memohon menjadi anggota Apec, iaitu India, Pakistan, Mongolia, Macao, Panama, Sri Lanka, Colombia dan Ecuador.

Israel dan Venezuela telah memohon menjadi anggota kumpulan kerja bukan-Apec.

Dr Mahathir berkata bahawa beliau akan membenarkan "Sidang Kemuncak Rakyat" dianjurkan oleh pertubuhan bukan kerajaan, yang akan diadakan di mesyuarat Apec akan datang di Malaysia asalkan ia dianjurkan secara aman.

Katanya orang Malaysia bersopan santun dan tidak menentang mereka yang melahirkan pendapat selagi pembantah tidak berkelakuan biadap.

Mesyuarat Kuala Lumpur itu, yang memperingati Apec yang diasaskan 10 tahun lampau, akan mengkaji proses memudahkan perdagangan dan pelaburan dan memastikan negara-negara membangun mendapat menafaat daripada pembangunan sumber manusia, perkongsian teknologi dan ekonomi dan pembangunan sosial, kata Dr Mahathir.

Kesaksamaan, pembasmian kemiskinan sebagai bahagian penting pembangunan mapan akan juga dimuatkan dalam agenda tahun depan.

Mesyuarat peringkat menteri ekonomi pada 15-16 Nov akan memuktamadkan pengliberalan awal dan secara suka rela sembilan sektor untuk dilaksanakan pada awal tahun 1999.

Sembilan sektor yang disenarai pendekkan daripada 62 cadangan asal adalah batu permata dan barang kemas, produk dan perkhidmatan alam sekitar, ikan dan produk perhutanan, mainan kanak-kanak, kelengkapan perubatan, kimia, tenaga dan telekomunikasi.

Dr Mahathir secara berseloroh berkata Malaysia mungkin tidak mampu mempersembahkan pertunjukan kebudayaan yang berlebih-lebihan untuk para pemimpin tahun depan kerana kemerosotan nilai ringgit.

Bagaimanapun, katanya ia mungkin memujuk Bakti, kumpulan wanita yang diketuai oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali untuk menyanyikan beberapa lagu.

(Bakti adalah pertubuhan amal yang dianggotai isteri-isteri menteri dan timbalan menteri Malaysia).

Mesyuarat tahun depan akan menghasilkan rumusan agenda Apec bagi sains, teknologi dan industri dalam abad ke 21, kata Dr Mahathir.

Tambahnya, mesyuarat tersebut akan juga membincangkan pentingnya kerjasama dan kesediaan semasa darurat ketika bencana alam seperti kebakaran hutan di Indonesia yang telah menyebabkan keadaan jerubu di negara-negara jiran Asean. -- BERNAMA

SH MA